

KOSMO  
2/7/2015  
MIS 2

Warga asing, rakyat tempatan hadapi hukuman mati kerana miliki dadah 41 kilogram

# Lelaki Indonesia pengedar syabu

Oleh SYALMIZI HAMID

**SEBERANG PERAI** - Dua lelaki termasuk seorang warga Indonesia berhadapan hukuman mati di tali gantung selepas mereka dihadapkan ke Mahkamah Majistret Jawi, Nibong Tebal di sini semalam atas tuduhan mengedar dadah jenis syabu bulan lalu.

Tertuduh Lau Boon Siah, 52, dan rakannya warga Indonesia yang hanya dikenali sebagai Safrizal, 34, mengangguk-angguk kepala tanda faham selepas pertuduhan dibacakan ke atas mereka di hadapan Majistret Rashidah Baharom.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan daripada kedua-dua tertuduh.

Mengikut pertuduhan, Boon Siah, rakyat Malaysia, dan rakannya Safrizal didakwa bersama-sama mengedar dadah jenis syabu atau methamphetamine seberat lebih 41 kilogram (kg) di hadapan pintu masuk premis perniagaan Mei Hua Yuan Enterprise, No. 1339, Jalan Paboi, Bukit Tambun, Nibong Tebal di sini.

Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada pukul 11.30 pagi 23 Jun lalu.

Bagi kesalahan itu, kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dikenakan hukuman mengikut



POLIS membawa Safrizal (kiri) dan Boon Siah untuk didakwa atas tuduhan memiliki 41 kilogram dadah di Mahkamah Majistret Jawi, Pulau Pinang semalam.

Seksyen 39B(2) akta sama dan boleh dibacakan di bawah Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Kes itu dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nor Sakinah Ibrahim manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 6 Oktober depan sebagai tarikh sebutan semula kes. Tiada jaminan ditawarkan kepada tertuduh.

Pada 25 Jun lalu *Kosmo!* melaporkan sepasukan polis Seberang Perai Selatan berjaya memberkas dua lelaki di ha-

dapan sebuah nurseri di Jalan Paboi ketika mereka sedang memindahkan dua buah beg diper-cayai berisi dadah.

Dadah jenis syabu itu dipindahkan dari but sebuah kereta ke but kereta lain.

Rampasan tersebut dikatakan sebagai yang terbesar di negeri ini sepanjang tahun ini.

Semalam *Kosmo!* melaporkan Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam di Selangor Datuk Ghazali Cha menggesa pihak berkuasa mencari satu formula bagi menangani masalah jenayah membatikan warga asing di negara ini.



POLIS menunjukkan syabu yang dirampas daripada dua lelaki yang ditangkap di Jalan Paboi, Pulau Pinang pada hujung Jun lalu.

KERATAN *Kosmo!* 25 Jun 2015.

Hakim Ghazali berkata demikian ketika beliau menjatuhkan hukuman penjara tujuh tahun terhadap dua warga Bangladesh, Abdul Razak To-fazzal Hossain dan MMD Ripon Mondal Krndabosos kerana me-

KERATAN *Kosmo!* semalam.

nyebabkan kematian tanpa niat ke atas kanak-kanak berusia dua tahun, Mohd. Shukri dan ibunya, Suramlah Nidin.

• LIHAT SYOR PAKAR SOSIOLOGI DI MUKA 12